

Jangan terlalu ikat diri dengan Barat — Dr. M

UM 2 2 OCT 2003

BANGKOK 21 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi nasihat terakhirnya sebagai pemimpin terulung rantau ini supaya jangan terlalu mengikat diri mereka dengan Barat.

Menurut Perdana Menteri: "Idea yang baik tidak semestinya datang dari Barat sahaja. Kebijaksanaan bukan dimonopoli oleh Barat sahaja".

Katanya, idea yang baik boleh datang dari negara-negara membangun juga.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar - terakhirnya di peringkat antarabangsa - sejurus berakhir Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini petang ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan mengenai cabaran yang akan ditempuhi oleh

negara-negara rantau ini selepas ketiadaannya dalam pentas politik antarabangsa kelak.

Ditanya oleh seorang wartawan Jepun apakah Malaysia akan terus melihat kepada model negara matahari terbit itu, walaupun negara tersebut menghadapi masalah ekonomi, Dr. Mahathir dengan mudah berkata, "sudah tentu".

"Kita bukan sahaja belajar mengenai kejayaan, tetapi juga kegagalannya. Jika mereka gagal kita mahu tahu mengapa mereka gagal. Kita belajar baik dan buruk," katanya.

Ditanya mengenai peraturan perdagangan bebas (FTA) yang mula di amalkan oleh kebanyakan negara, beliau berkata, amalan itu sebenarnya tidak sesuai dan boleh menjejaskan matlamat perdagangan pelbagai hala.

Bagaimanapun, Malaysia tidak boleh ketinggalan dan turut sama berbuat demikian dengan negara seperti Amerika Syarikat, Jepun dan China.

Ditanya tentang perubahan sikapnya terhadap APEC yang sebelum ini disifatkan beliau sebagai ancaman kepada negara-negara rantau ASEAN, beliau mengakui forum itu kini berfaedah kepada Malaysia.

Beliau turut ditanya tentang cadangannya supaya isu keselamatan tidak menjadi agenda utama sidang APEC dan sebaliknya dibincang dalam forum lain, Perdana Menteri berkata, isu-isu keselamatan yang tiada kaitan dengan perdagangan seperti ketenteraan tidak patut dibincangkan.